



Jabatan Bendahari • Bursar's Office

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. X

Tarikh : 4 Januari 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2010

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Tan Sri/Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS (ABM) TAMBAHAN TAHUN 2010

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa Jabatan ini sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan dari pihak kerajaan.

Latar Belakang

2. Bagi tahun 2010, Universiti telah mengalami pemotongan yang ketara dan kekurangan peruntukan ke atas perbelanjaan utama yang sukar dielakkan seperti emolumen, utiliti dan sewaan telah mengakibatkan agihan peruntukan mengurus tahun 2010 kepada PTJ universiti telah terjejas dengan ketara sekali.

3. Bagi memastikan peruntukan aktiviti dan program dapat dirancang dan dijalankan dengan sumber kewangan yang mencukupi, Jabatan ini sedang merangka satu strategi khas mendapatkan peruntukan tambahan dari kerajaan terutamanya bagi program yang mempunyai impak yang besar kepada masyarakat.

4. Pihak PTJ diminta memberi kerjasama dalam mengumpulkan maklumat dan penyediaan kertas cadangan permohonan peruntukan tambahan bagi tahun 2010.

Kaedah Permohonan Peruntukan Tambahan 2010

5. Berikut adalah langkah-langkah penting yang perlu diikuti yang telah dirangka bagi menyediakan kertas cadangan permohonan peruntukan tambahan tahun 2010.

Bil.	Aktiviti	Tindakan
i.	Meneliti program atau aktiviti baru/tambahan yang mempunyai impak yang besar kepada masyarakat.	Semua PTJ
ii.	Meneliti program dan aktiviti yang bersifat <i>one-off</i> yang penting dan kritikal untuk dilaksanakan.	Semua PTJ
iii.	Menyediakan kertas cadangan permohonan atau Anggaran Belanjaan Mengurus (ABM5) yang baik dan berkesan.	Semua PTJ
iv.	Mengemukakan kertas cadangan permohonan peruntukan tambahan kepada kementerian terbabit.	Bendahari
v.	Menyediakan Kertas Jemaah Menteri untuk kelulusan kabinet (jika perlu).	Bendahari

Penyediaan Anggaran Belanjaan Mengurus (ABM5)

6. Kertas cadangan permohonan peruntukan tambahan hendaklah disediakan dalam Format Borang ABM5 seperti di Lampiran A.

7. Kursus khas akan diberikan kepada pegawai PTJ bagi menyediakan kertas cadangan permohonan atau ABM5. ABM5 yang lengkap dan mempunyai kekuatan dan kelebihan sahaja akan dimajukan kepada pihak kementerian. Ketua PTJ diminta memainkan peranan dan memastikan kertas cadangan permohonan benar-benar berasas dan meyakinkan pihak berkaitan.

8. PTJ diminta menggunakan format ABM5 setiap kali mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) bagi Dasar Sedia Ada atau One-Off tanpa menunggu kitaran penyediaan belanjawan mengurus setiap dua tahun sekali.

Nilai "Threshold"


9. Nilai threshold yang ditetapkan adalah berjumlah **RM100,000**.

Tarikh Akhir

10. Semua kertas cadangan atau ABM5 hendaklah disampaikan kepada Jabatan ini tidak lewat dari **15 Februari 2010**.

11. Namun jika ada sebarang keperluan peruntukan tambahan bagi program atau aktiviti lain yang hanya dikenal pasti selepas tarikh ini, kertas cadangan permohonan atau ABM5 boleh dihantar ke Jabatan ini untuk penilaian.

Yang benar,



MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM